



PELAJAR terbaik Konvokesyen Pertanian ketiga, **Muhammad Hafiz Tumiran** (dari kiri), **Saidatul Nuritqan Sahimi** dan **Sharul Azhar Sha'adan**.

Program NATC platform capai cita-cita

PENERIMA Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Sharul Azhar Sha'adan**, 26, bersyukur kerana berpeluang menimba ilmu di Institut Latihan Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang selama dua tahun.

“Dulu saya menganggap kursus di peringkat Sijil Pertanian hanya belajar tentang pertanian sahaja tetapi rupanya banyak benda baharu yang saya pelajari, antaranya, ternakan, pengurusan estet, inovasi dan pengendalian jentera,” katanya.

Majlis Konvokesyen Pertanian Ketiga yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, menyaksikan seramai 988 graduan menerima sijil dan diploma masing-masing daripada 12 Institut Latihan Bertauliah di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC).

Sharul Azhar, penerima Anugerah Pengarah Pertanian sempena konvokesyen tersebut, berharap dapat menggunakan kemahiran yang ada untuk menceburi bidang pertanian secara serius pada masa hadapan.

“Insya-Allah jika ada peluang yang baik dan diberi kesempatan, saya akan mengusahakan tanah di bahagian kawasan belakang rumah di kampung saya di Temerloh, Pahang dengan projek pertanian sayur-sayuran kerana saya dapati ia memberi pulangan yang baik,” ujarnya.

Sementara itu, **Saidatul Nur Itqan Sahimi**, 22, pula berkata, program di peringkat sijil dan diploma dalam bidang pemprosesan makanan amat berguna dalam mencapai impiannya membuka perniagaan sendiri.

“Banyak yang saya pelajari sepanjang kursus ini termasuk pengurusan restoran yang baik. Malah, kami juga didedahkan dengan aspek teori dan praktikal secara seimbang supaya kami lebih memahami tentang realiti sebenar dalam bidang ini,” katanya.

Saidatul Nur Itqan kini meneruskan pengajian di peringkat Diploma Pemprosesan Makanan di Kolej Pertanian Malaysia, Bukit

Tangga, Kedah.

“Saya juga bercadang selepas tamat kursus ini, akan mengambil sijil pengajar supaya dapat mengajar pelajar di Tahap I dan II,” ujar anak keempat daripada enam beradik ini.

Namun, keadaan berbeza bagi **Muhammad Hafiz Tumiran**, 26, yang mahu mencapai impiannya menjadi doktor haiwan suatu hari ini.

“Saya bersyukur kerana diberi peluang meneruskan pelajaran di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor. Dengan sijil veterinar yang saya perolehi, saya boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Kesihatan Haiwan Penternakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu, Sarawak.

“Selepas ini, saya mahu terus menyambung ke peringkat ijazah supaya dapat menjadi doktor haiwan,” ujarnya yang berasal dari Batu Pahat, Johor.

Menurut Muhammad Hafiz, kemahiran dan pengetahuan yang diperolehinya sepanjang mengikuti program sijil veterinar di institut tersebut dapat dijadikan bekalan sebelum menceburi kerjaya yang menjadi impiannya sejak kecil itu.

Lulusan Diploma Akuakultur dari Kolej Pertanian Malaysia, **Jason Martin**, 28, pula menyifatkan sektor akuakultur adalah bidang berpotensi tinggi yang boleh diceburi golongan belia.

“Apa yang penting dalam bidang ini ialah pembenihan ikan dan udang bagi memastikan pengeluaran hasil yang lebih berkualiti.

“Bidang ini mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia dan bagi saya ia sesuai untuk diterokai secara lebih mendalam,” katanya yang kini berkhidmat di Jabatan Perikanan Selangor.

Sehubungan itu, penerima Anugerah Khas Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini yang mendapat sokongan padu ayahnya, Martin Idai, 52, berharap dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuannya untuk membangunkan sektor akuakultur di kampung kelahirannya di Keningau, Sabah.



JASON MARTIN